

SH 7/10/2019 m/s 30  
Rezeki ikan tapah 35kg

**JERANTUT** - Seorang nelayan berjaya mendaratkan seekor ikan tapah seberat 35 kilogram (kg) di Kampung Pedah di sini kelmarin.

Nelayan yang mahu dikenali sebagai Farouk, 40, berkata, dia terpaksa menggunakan segala pengalaman untuk menaikkan ikan tersebut.

Katanya, dia bertarung hampir 10 minit sebelum berjaya menewaskan ikan itu dengan menggunakan kaedah menjaring pada jam 1 tengah hari di Sungai Pahang berhampiran kampungnya.

“Saya bersama

adik menjaring ikan berhampiran rumah dan ketika menarik jaring ke dalam bot, saya dapat merasakan sesuatu yang berat.

“Tiba-tiba seekor ikan besar muncul serta sangat agresif dan kami berdua berusaha untuk menaikannya,” katanya.

Menurutnya, ikan sepanjang hampir 1.5 meter itu dijual pada harga RM60 sekilogram.

“Sepanjang bekerja sebagai nelayan sejak 2009, inilah ikan paling besar pernah saya dapat,” katanya.

Katanya, wang hasil jualan ikan itu disimpan untuk dijadikan modal membina sangkar ikan.



**Farouk menunjukkan ikan tapah seberat 35kg yang berjaya dinaikkannya.**